



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (14 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiga (3) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kes-kes ini masing-masing satu kes dikesan di Daerah Kuching, Miri dan Limbang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 755 kes.**

#### **A. Kes COVID-19 baharu dikesan (3 kes Import B)**

Hari ini terdapat tiga kes baharu dilaporkan. Ringkasan perincian kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

##### **i) Kes Ke-753.**

Kes ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan dari Kota Kinabalu, Sabah dan singgah di Labuan sebelum tiba di Lapangan Terbang Miri pada 9 Oktober 2020. Kes merupakan seorang juruteknik di salah sebuah pelantar minyak di perairan Sabah dan telah berada di atas pelantar dari 8 September 2020 sebelum *sign off* pada 8 Oktober 2020.

Setibanya di Lapangan Terbang Miri, kes telah dimasukkan ke pusat kuarantin untuk menjalani kuarantin wajib selama 14 hari. Pada 11 Oktober 2020, kes telah menjalani saringan pertama untuk COVID-19 dan keputusan ujian rT-PCR kes telah didapati positif pada 13 Oktober 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Miri pada hari yang sama untuk rawatan lanjut.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan awal COVID-19. Kes ini dikategorikan sebagai kes yang telah mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi COVID-19 iaitu Sabah. Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan.

**ii) Kes Ke-754.**

Kes Ke-754 merupakan seorang pelajar IPTA yang mempunyai sejarah perjalanan ke Kinarut, Sabah pada 25 September 2020 sehingga 3 Oktober 2020. Semasa berada di Sabah, kes dilaporkan pernah menjalani ujian saringan COVID-19 menggunakan ujian rT-PCR pada 28 dan 30 September 2020 dan kedua-dua ujian tersebut adalah negatif COVID-19.

Semasa di Kinarut, Sabah, kes telah menghadiri majlis perkahwinan saudara terdekat kes. Siasatan lanjut juga telah mendapati pakcik kes di Kinarut, yang telah menghadiri majlis tersebut juga telah didapati positif ujian rT-PCR COVID-19 pada 12 Oktober 2020.

Semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 3 Oktober 2020, kes telah menjalani semula saringan COVID-19 dan kes dimasukkan ke pusat kuarantin untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari. Keputusan ujian rT-PCR untuk saringan pertama juga didapati negatif.

Pada 12 Oktober 2020, kes telah menjalani ujian saringan hari ke-10 di pusat kuarantin dan ujian rT-PCR COVID-19 kes telah didapati positif pada 13 Oktober 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes yang telah mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi COVID-19 iaitu Sabah.

**iii) Kes Ke-755.**

Kes merupakan seorang pelajar perempuan di sebuah sekolah agama di Kimanis, Sabah yang telah pulang ke Lawas, Sarawak kerana arahan penutupan sekolah di Sabah semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

Kes telah mendapat kebenaran pulang ke Sarawak pada 8 Oktober 2020 dan kes telah dihantar ke ICQ Merapok, Lawas oleh pihak sekolah menggunakan bas sekolah. Setibanya kes di Lawas, kes telah dibawa dan dimasukkan ke pusat kuarantin untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari.

Kes walau bagaimanapun telah dipindahkan ke pusat kuarantin di Daerah Limbang pada 9 Oktober 2020 menggunakan bot express kerana pusat kuarantin di Lawas mengalami kekurangan bilik kuarantin.

Kes telah menjalani saringan pertama COVID-19 pada 10 Oktober 2020 di pusat kuarantin dan ujian rT-PCR kes didapati positif pada 13 Oktober 2020. Kes telah dirujuk ke Hospital Miri untuk mendapat rawatan lanjut pada hari yang sama.

Kes dilaporkan telah mengalami tanda dan gejala awal jangkitan COVID-19 pada 9 Oktober 2020. Kes ini dikategorikan sebagai kes yang telah mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi COVID-19 iaitu Sabah.

## **B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun terdapat dua (2) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

- i) **Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.** Kluster ini kekal melaporkan empat (4) kes positif COVID-19. Setakat hari ini, jam 12:00 tengah hari:
  - a) Jumlah disaring yang telah disaring: **40 orang**
  - b) Jumlah kontak mempunyai keputusan negatif: **36 orang**
  - c) Jumlah kontak yang masih menunggu keputusan: **0 orang**

- ii) **Kluster Putra di Daerah Bintulu.** Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai enam (6) orang termasuk kes indeks. Satu (1) kes kontak positif telah dikesan dan didaftarkan di Negeri Selangor. Setakat hari ini, jam 12:00 tengah hari:
- a) Jumlah yang telah disaring: **190 orang**
  - b) Jumlah kontak mempunyai keputusan negatif: **146 orang**
  - c) Jumlah kontak yang masih menunggu keputusan: **38 orang**

**C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat satu (1)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **691** orang atau **91.52%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **45** orang iaitu 25 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, sembilan (9) kes di Hospital Miri, tujuh (7) kes Hospital Bintulu dan empat (4) orang di Hospital Sibul.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.53%**.

Hari ini **empat (4) PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, Daerah Kuching, Sibul, Bintulu dan Lubok Antu kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan seramai dua belas (12) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Tiada penambahan kes jangkitan tempatan baharu dilaporkan atau dikesan bagi daerah-daerah tersebut pada hari ini.

Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah empat (4) buah daerah dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

#### **E. Penjejakan Kontak Rapat Bagi Kes Positif**

Bagi kes yang telah dilaporkan di Daerah Lubok Antu iaitu tiga (3) kes positif, seramai 36 orang telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 35 orang negatif dan seorang (1) masih menunggu ujian makmal.

Manakala bagi kes di Daerah Sibu, iaitu dua (2) kes positif (kes 714 dan 715) telah dilaporkan, seramai 131 orang telah disaring. Daripada jumlah tersebut, seorang (1) didapati positif dan 130 orang adalah negatif.

**F. Situasi COVID-19 di Sarawak sejak 26 September 2020.**

Bermula pada 26 September 2020 sehingga hari ini, 14 Oktober 2020, seramai 52 kes positif COVID-19 telah dikesan di Sarawak. Semua kes positif ini melibatkan 47 orang warganegara dan lima (5) orang melibatkan bukan warganegara.

Seramai 24 orang kes (46.15%) mempunyai sejarah perjalanan balik dari Sabah. Hal ini selari dengan arahan dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak yang mewajibkan semua kemasukan dari Sabah untuk diambil sampel swab dan dikuarantin wajib selama 14 hari di pusat kuarantin. Hasil daripada ujian saringan rt-PCR yang telah dilakukan, didapati seramai 10 orang kes dikesan positif pada saringan pertama manakala 14 kes lagi telah dikesan positif pada saringan kedua (Hari ke-10) dalam tempoh kuarantin.

Seramai enam (6) kes (11.53%) mempunyai sejarah perjalanan dari Semenanjung Malaysia. Di mana lima (5) orang kes positif (83.33%) balik dari Kuala Lumpur dan sat (1) orang kes positif (16.66%) balik dari Perak.

Seramai enam (6) kes (11.53%) telah dikesan dan dikategorikan sebagai Import A; iaitu kes mempunyai sejarah perjalanan tiba luar negara. Pecahan kes tersebut adalah dua (2) orang kes dari India (33.3%), dua (2) orang kes Myanmar (33.3%), satu (1) kes dari Kuwait (16.6%), Satu (1) kes dari Arab Saudi (16.6%). Kesemua kes ini dikesan semasa melalui saringan pertama ujian rt-PCR COVID-19.

Seramai 16 kes (30.76%) merupakan kes-kes jangkitan tempatan yang melibatkan 15 orang warganegara tempatan dan seorang bukan warganegara dari Indonesia. Kes-kes ini telah dikesan dan dilaporkan mengikut bahagian berikut iaitu lima (5) orang kes di Bintulu (31.25%), lima (5) orang kes di Kuching (31.25%), tiga (3) orang kes di Limbang (18.75%), dua (2) orang kes di Sibu (12.5%) dan satu (1) orang kes di Sri Aman (6.25%).

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah bermesyuarat dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Memperketatkan Kawalan Sempadan**

Memandangkan bilangan kes yang semakin meningkat terutamanya di Sabah, pergerakan melalui sempadan Merapok dan Sidumin perlu diperketatkan. Pihak anggota keselamatan akan menambah bilangan anggota dan kawalan termasuk jalan-jalan tikus.

Kawalan dan Rondaan yang lebih ketat dan kerap juga akan dipertingkatkan di sempadan Kalimantan.



### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **lapan (8) kompaun** di Daerah Kuching (4), Miri (3) dan Kota Samarahan (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **122 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (34), SMC (31), MD Marudi (25), DBKU (10), MB Miri (7), MPKS (4), MBKS (4), MD Serian (3), MDDM (3) dan MDMJ (1).

### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,475 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (190), Restoran (265), Kilang (14), Bank (109), Pejabat Kerajaan (45), Penjaja (64), Pasar Tani/Awam (66), Tempat Ibadah (67), Tempat Riadah (37), Tapak Pembinaan (25) dan lain-lain (593).

Seramai **523 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (234), ATM (36), RELA (117), APM (97), PBT (32) dan lain-lain agensi (7).

## **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **756** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**14 OKTOBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	752	Kes sedang dirawat di hospital	45	5.96%
Kes Baharu	3	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	126,943	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	755	Jumlah kes kematian	19	2.52%
IR per 100,000 penduduk	24.47	Kes telah sembuh dan discaj	691	91.52%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	7	9,106	4	9,863
Menunggu keputusan	1	2		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	25	4	7	9	0	45
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	1	0	0	0	1
	Kumulatif	582	35	39	33	691
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lubok Antu	0	27	0	3	0	0	0	0	3	3	1
2	Kuching	1	6,520	1	454	1	424	0	12	18	19	4
3	Bintulu	0	309	0	46	0	39	0	0	7	7	5
4	Sibu	0	115	0	15	0	11	0	0	4	4	2
Jumlah		1	6971	1	518	1	474	0	12	32	33	12

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	20	0	4	0	1	0	0	3	0	0
2	Serian	0	314	0	24	0	24	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	249	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	178	0	7	0	6	0	0	1	1	0
5	Samarahan	0	570	0	113	0	108	0	4	1	1	0
6	Simunjan	0	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	1	32	1	10	0	8	0	1	1	1	0
10	Miri	2	842	1	30	0	24	0	1	5	5	0
11	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	2	0	1	1	1	0
13	Betong	0	189	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	0	0	0	1	1	0
29	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>	<b>2,892</b>	<b>2</b>	<b>237</b>	<b>0</b>	<b>217</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>13</b>	<b>10</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>4</b>	<b>9,863</b>	<b>3</b>	<b>755</b>	<b>1</b>	<b>691</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>45</b>	<b>43</b>	<b>12</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **69** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **21 buah hotel** adalah seramai **1,903 orang**. Manakala seramai **26,194 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 14.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (877)	Hock Lee	98
2		Kuching Park	118
3		Hilton	337
4		Harbour View	180
5		Riverside (Astana Wing)	136
6		Tune Hotel	8
7	Miri (607)	Mega Hotel	24
8		Imperial Palace	122
9		Eastwood Valley	60
10		Meritz	217
11		Miri	35
12		Dynasty	104
13		Citi Hotel	45
14	Bintulu (77)	Wasan Inn	41
15		Motel Kapok	16
16		Faber Inn	20
17	Limbang (190)	Purnama	94
18		Shangshan (Lawas)	65
19		Mandarin (Lawas)	31
20	Sibu (152)	Premier	124
21		Diocesan Pastoral	28
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,903</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **7 lokasi di Kuching (3), Miri (2), Sri Aman (1) dan Sarikei (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,758 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 14.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>3</b>	<b>559</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>2</b>	<b>323</b>
3	Sibu	TIADA	176
4	Samarahan	TIADA	122
5	Bintulu	TIADA	115
<b>6</b>	<b>Sarikei</b>	<b>1</b>	<b>110</b>
7	Limbang	TIADA	84
8	Serian	TIADA	66
9	Betong	TIADA	56
10	Kapit	TIADA	51
11	Mukah	TIADA	48
<b>12</b>	<b>Sri Aman</b>	<b>1</b>	<b>48</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,758</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **49 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 14.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MP Sibul	9
4	BDA	1
5	MD Matu & Daro	4
6	MCC	15
7	MD Marudi	6
8	MD Limbang	2
9	MD Lawas	7
<b>Jumlah</b>		<b>49</b>